

**NO. SOALAN : 105**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**TARIKH : 19 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9010**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) Senarai ahli parlimen yang dilarang masuk ke Sarawak dan Sabah serta alasan munasabah menafikan mereka; dan
- (b) Bilakah larangan ke negeri-negeri itu akan ditamatkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Senarai Syak jabatan adalah maklumat terperingkat dan ia perlu dipohon secara rasmi kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri.**

**Ini kerana tempoh larangan kemasukan ke Negeri Sarawak adalah tertakluk kepada kuasa mutlak Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**TARIKH : 19.5.2016**

**SOALAN : NO.106**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah wajar disyaratkan penubuhan institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA-IPTS) dikaitkan dengan keperluan menyediakan kemudahan penginapan yang bersesuaian dengan jumlah pelajar memandangkan terdapat IPTA-IPTA dan IPTS-IPTS tertentu yang masih lagi menyewa premis-premis di luar daripada kampus pengajian.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan kolej kediaman adalah mengikut keperluan Universiti Awam (UA) masing-masing selaras dengan Garis Panduan Pengurusan dan Pembangunan Kemudahan Universiti Awam, Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2012. Penentuan pengurusan kolej kediaman UA adalah berasaskan kapasiti pelajar. Kapasiti kolej-kolej kediaman UA adalah tidak seragam kerana ia mengikut perancangan fizikal dan keperluan UA pada satu-satu masa. Di kebanyakan kolej kediaman UA di Malaysia, kapasiti yang boleh ditampung adalah lebih kurang 500 hingga melebihi 3,000 orang pelajar.

Bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, penyediaan kemudahan penginapan kepada pelajar IPTS wajar disediakan untuk

tujuan pengurusan pelajar yang lebih baik. Walau bagaimanapun, IPTS yang menawarkan kursus pengajian yang disyaratkan untuk menyediakan penginapan seperti program kejururawatan perlu menyediakan kemudahan tersebut. Manakala IPTS yang bercadang untuk membuat pengambilan pelajar antarabangsa perlu menyediakan kemudahan penginapan pada tahun pertama pengajian. Penyediaan kemudahan penginapan oleh IPTS adalah menerusi bangunan asrama sendiri atau menyewa premis-premis luar.